

# AXCEL SILDENAFIL-100MG TABLET

*Sildenafil Citrate (100mg)*

## APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI

1. Apakah Kegunaan Axcel Sildenafil-100mg Tablet.
2. Bagaimana Axcel Sildenafil-100mg Tablet Berfungsi.
3. Sebelum Mengambil Axcel Sildenafil-100mg Tablet.
4. Cara Menggunakan Axcel Sildenafil-100mg Tablet.
5. Semasa Menggunakan Axcel Sildenafil-100mg Tablet.
6. Kesan- Kesan Sampingan.
7. Cara Penyimpanan Dan Pelupusan Axcel Sildenafil-100mg Tablet.
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.

## APAKAH KEGUNAAN AXCEL SILDENAFIL-100MG TABLET

Axcel Sildenafil-100mg Tablet digunakan sebagai terapi oral untuk disfungsi erektil (mati pucuk - ketidakmampuan untuk mencapai atau mengekalkan ereksi zakar semasa aktiviti seksual).

## BAGAIMANA AXCEL SILDENAFIL-100MG TABLET BERFUNGSI

*Sildenafil* membantu meningkatkan aliran darah di dalam zakar berikutan rangsangan seksual, dan ini membantu untuk mengekalkan ereksi.

## SEBELUM MENGGUNAKAN AXCEL SILDENAFIL-100MG TABLET

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah atau hipersensitif kepada mana-mana komponen tablet.
- Jika ia tidak preskrib oleh doktor yang bertauliah.

### Sebelum mula mengambil

Anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati
- Jika anda mengambil ubat-ubatan yang lain

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

## CARA MENGGUNAKAN AXCEL SILDENAFIL-100MG TABLET

### Berapa banyak harus digunakan

Tablet ini bertujuan untuk pengambilan oral sahaja.

### Kegunaan ubat di kalangan orang dewasa

Bagi kebanyakan pesakit, dos yang disyorkan adalah 50mg. Berdasarkan keberkesanan dan toleransi, dos boleh ditingkatkan kepada dos maksimum 100mg atau dikurangkan kepada 25mg. Dos maksimum harian yang disyorkan adalah 100mg. Kekerapan dos maksimum yang disyorkan ialah sekali sehari.

### Kegunaan ubat bagi pesakit dengan masalah buah pinggang:

Pelarasan dos tidak diperlukan di kalangan pesakit dengan masalah buah pinggang yang ringan hingga sederhana. Kerana klearans *sildenafil* dikurangkan di kalangan pesakit dengan masalah buah pinggang yang serius, dos 25mg perlu dipertimbangkan.

### Kegunaan ubat bagi pesakit dengan masalah hati:

Disebabkan klearans *sildenafil* terjejas di kalangan pesakit dengan masalah hati, maka dos 25mg perlu dipertimbangkan.

### Kegunaan ubat bagi pesakit yang mengambil ubat- ubatan lain:

Ikut saranan dan nasihat dari doktor anda.

### Kegunaan ubat di kalangan kanak-kanak

Kegunaan *Sildenafil* di kalangan kanak-kanak (<18 tahun) adalah tidak disyorkan.

### Kegunaan di kalangan orang tua

Pelarasan dos adalah tidak diperlukan bagi pesakit orang tua.

## Bila perlu digunakan

Axcel Sildenafil-100mg Tablets perlu diambil dalam masa 1 jam sebelum aktiviti seksual. Ianya lebih penting untuk memastikan Axcel Sildenafil-100mg Tablets dipreskripsikan oleh doktor yang bertauliah.

### Berapa lama perlu digunakan

- Ikut saranan dan nasihat dari doktor tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat ini.

### Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan dos kerana Axcel Sildenafil-100mg Tablet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Sildenafil-100mg Tablet berlebihan.

## SEMASA MENGGUNAKAN AXCEL SILDENAFIL-100MG TABLET

### Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor anda tentang perkara yang patut dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan kepada doktor anda jika anda perlu mengambil ubatan lain tanpa diduga.
- Ambil Axcel Sildenafil-100mg Tablet mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenarai dalam risalah ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Sildenafil-100mg Tablet lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam masa satu hari.
- Jangan mengambil dos yang berlebihan pada setiap kali masa pengambilan.

# AXCEL SILDENAFIL-100MG TABLET

Sildenafil Citrate (100mg)

## Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari daripada pengambilan dos tinggi yang berterusan.
- Hindari daripada penggunaan ubat di kalangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun

## KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Sildenafil-100mg Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan yang berlaku berikut telah dilaporkan:

- Sakit kepala
- Kulit menjadi merah
- Dispepsia (ketidakhadaman)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> reporting*).

## CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN AXCEL SILDENAFIL-100MG TABLET

### Penyimpanan

Jauhkan dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari kelembapan.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada doktor anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## MAKLUMAT LANJUT

### Rupa dan warna produk

Axcel Sildenafil-100mg Tablet berwarna biru, 'biconvex' berbentuk hati, 12.5 mm x 11.1 mm, 'coated tablet' dengan lambang "KOTRA" tertera pada satu bahagian dan kosong pada bahagian yang lain.

## Bahan-bahan kandungan

### Bahan Aktif:

Sildenafil Citrate

### Bahan Tidak Aktif:

Microcrystalline Cellulose PH102, Dicalcium Phosphate Anhydrous, Croscarmellose Sodium, Aerosil 200, Talcum Powder, Magnesium Stearate, Opadry II Blue dan Purified Water.

## Nombor MAL

MAL14085055AZ

## PENGILANG DAN PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

## TARIKH KEMASKINI

25/03/2020

## NOMBOR SIRI

NPRA(R2/1)200219/366